

UPM sedia pangsapuri kakitangan, penuntut

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menyediakan 30 unit kuarters atau pangsapuri bagi kakitangan dan 160 unit rumah untuk penuntut siswazah bagi memastikan kemudahan dan kebajikan warga kampus.

Kompleks Perumahan Siswazah itu mengandungi sembilan blok dan satu blok pangsapuri diperuntukkan kepada kakitangan UPM.

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UPM, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata projek itu yang dimulakan pada 5 Disember 2001 menggunakan sumber dalaman dan ia satu perancangan yang sudah lama diimpikan pihak pengurusan universiti.

Menurutnya, tambahan kemudahan tempat tinggal itu menjadi tarikan terbaru kepada kakitangan dan penuntut untuk terus berkhidmat atau belajar di UPM.

“Projek ini dijalankan bagi memberi kemudahan kepada pelajar, khususnya penuntut siswazah luar yang selama ini ditempatkan di asrama di belakang Pusat Kesihatan, UPM.

“Setiap rumah yang disediakan untuk pelajar mengandungi tiga bilik tidur, satu bilik belajar dan satu bilik air. Setiap bilik belajar dilengkapi meja serta Internet ‘point’ untuk kemudahan pelajar. Setiap bilik



TARIKAN TERBARU... pangsapuri yang disediakan untuk kemudahan siswazah UPM.

juga dilengkapi kipas, lampu dan almari,” katanya.

Setiap unit pangsapuri mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air. Bahagian dapur turut dilengkapi kabinet dapur.

Menurutnya, penuntut siswazah yang berminat menyewa rumah itu perlu berurusan dengan Ketua Unit Perumahan, Bahagian Pembangunan UPM.

Kompleks itu turut dilengkapi kemuda-

han infrastruktur seperti jalan, tempat letak kereta dan sebuah bangunan kemudahan pelajar. Turut disediakan ialah pondok kawalan di pintu masuk utama bagi memudahkan kawalan keselamatan penghuni kompleks itu.

Ketua Unit Perumahan, Bahagian Pembangunan UPM, Rohani Abdul Rahman, berkata hanya kakitangan terpilih ditawarkan untuk mendiami kuarters itu.

“Permohonan diterima sememangnya banyak dan kami terpaksa membuat saringan dengan melihat kriteria seperti bidang kerja, tanggungan keluarga dan sebagainya,” katanya.

Menurutnya, elaun rumah akan dipotong dari setiap penghuni bagi kakitangan dan kadar sewa berpatutan dikenakan kepada pelajar berminat.

Seorang kakitangan yang terpilih, Sharil Nizam Sha’ri yang bertugas di Bahagian Komunikasi Korporat, berkata peluang tinggal di pangsapuri itu membuka lembaran baru dalam hidupnya kerana selepas sehari berpindah, isterinya melahirkan anak sulung.

“Saya memang bercadang berpindah ke pangsapuri ini lebih awal apabila dapat tawaran itu kerana bimbang keadaan isteri,” katanya.